Sarawak Metro diberi kepercayaan laksana projek KUTS

Transformasi sistem pengangkutan awam negeri penting untuk realisasi aspirasi Sarawak sebagai negeri maju 2030

Oleh Patricia Gari

KUCHING: Agenda utama Kerajaan Sarawak sudah tentunya untuk mentransformasikan sistem pengangkutan awam di negeri ini.

Sistem pengangkutan awam yang boleh dipercayai dan selamat amat penting dalam usaha Sarawak muncul sebagai negeri maju berpendapatan tinggi menjelang 2030 kerana ia merupakan pemangkin kepada pertumbuhan pesat ekonomi dan produktiviti.

Sarawak Metro Sdn Bhd (Sarawak Metro) anak syarikat milik penuh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) diberi kepercayaan oleh kerajaan negeri melaksanakan projek Sistem Pengangkutan Bandaraya Kuching (KUTS) bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di bandar raya ini dan pada masa sama meningkatkan produktiviti serta pertumbuhan ekonomi.


KUTS, projek inisiatif kerajaan, diwujudkan seiring dengan agenda transformasi digital Kerajaan Sarawak dan insiatif pembangunan Bandar Pintar sebagai penyelesaian kepada keperluan pengangkutan awam yang lebih moden.

Tujuan utama pembangunannya ialah mengurangkan seterusnya mengatasi kesesakan lalu lintas di pusat bandar raya Kuching dengan meningkatkan kesalinghubungan menerusi sistem pengangkutan awam yang lebih efisien dan bersepadu.

Sarawak Metro yang diperbadankan pada Februari 2018 akan menjadi aset dan pemilik projek KUTS serta operator dan penyelenggara sistem Transit Aliran Automasi (ART) bagi meminimumkan kesesakan lalu lintas di jalan-jalan bandar sekali gus memacu produktiviti dan pertubuhan ekonomi.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Sarawak Metro Mazli Mustaffa yang mempunyai pengalaman lebih 22 tahun dalam industri pengangkutan bandar dan kereta api termasuk di beberapa negara luar seperti Emiriyah Arab Bersatu, akan memantau serta mengawasi pelaksanaan projek-projek kereta api termasuk metro.

"KUTS adalah projek inisiatif kerajaan dan kami diberi mandat untuk merealisasikannya dan memastikan objektifnya mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan bandar raya Kuching tercapai," katanya.



UNTUK MASA DEPAN: Lakaran Jajaran Transit Aliran Automasi (ART) yang menjadi teras pembangunan Sistem Pengangkutan Bandaraya Kuching (KUTS).

Antara objektif dan manfaat KUTS ialah menyediakan kemudahan melintasi dan menghubungkan kawasan perumahan yang padat, perniagaan, kawasan perindustrian, institusi pengajian tinggi, pusat kemahiran dan pembangunan dan tempat pelancongan yang menarik.

Selain itu, mewujudkan lebih banyak peluang ekonomi, membolehkan perdagangan dan memudahkan akses ke pasaran dan perkhidmatan, memperkenal dan mempromosikan teknologi hijau melalui penggunaan kenderaan hidrogen dan bas penumpang, mewujudkan peluang pekerjaan termasuk mendorong penyertaan penyedia pengangkutan awam lain dalam melengkapkan sistem ART.

KUTS akan dibangunkan secara berperingkat dengan kerja-kerja struktur dan sivil dijangka bermula pada 2022 dan kerja-kerja membangunkan sistem projek dijadual bermula pada 2024.

Fasa pertama projek ini akan melibatkan pembinaan dua jajaran laluan bandar meliputi jarak sepanjang kira-kira 50 kilometer (km).

Jajaran Laluan 1 (Garisan Biru) akan bermula dari Rembus, Kota Samarahan ke Hikmah Exchange, sepanjang 27km dan akan berhenti di 14 stesen, manakala Jajaran Laluan 2 (Garisan Merah) dari Batu 12 Jalan Kuching-Serian ke The Ithmus, sejauh 23.4km dengan 13 stesen perhentian.

Rata-rata bahagian dua jajaran laluan ART ini akan dibina pada paras yang sama dengan jalan raya sedia ada, manakala beberapa laluan bertingkat akan dibina di kawasan yang sangat padat, lazimnya di pusat bandar.

Perkhidmatan penumpang iaitu bas hidrogen akan disediakan di setiap permulaan dan penghujung perjalanan untuk ke stesen KUTS seterusnya.

ART yang merupakan teras projek KUTS adalah lebih berbaloi dibangunkan oleh kerajaan negeri berbanding Transit Aliran Ringan (LRT) kerana keberkesanannya dari segi kos.

Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg sebelum ini pernah berkata, kos membangunkan ART satu pertiga lebih murah berbanding LRT kerana ia tidak bergerak di atas landasan kereta api.

"Anda tidak perlu membina landasan kereta api tetapi hanya perlu menyediakan laluan khas untuk ART seperti melebarkan jalan raya sedia ada," katanya.

Kenderaan ART merupakan persilangan hibrid antara bas, kereta api dan trem, berjalan di laluan khas dan bukannya di atas laluan keluli seperti LRT.

Ia menggunakan tayar getah dan boleh bergerak di atas permukaan jalan biasa. Ciri-ciri ini mengurangkan kos dan masa pembinaan dengan ketara.

Ia juga dilengkapi pengimbas optik dan navigasi pintar bagi meningkatkan pengendalian mudah dan ketepatan serta sistem komunikasi boleh dipercayai.

Bagi KUTS, sistem ART yang dibangunkan mempunyai tiga kenderaan pengangkutan dengan kapasiti maksimum 300 penumpang dan berkelajuan purata 35km/j serta mampu mencapai kelajuan maksimum 70km/j.

Kenderaan ART akan digerakkan menggunakan sel bahan bakar hidrogen, seiring dengan hasrat kerajaan negeri mengembangkan ekonomi hidrogen dan merealisasikan Agenda Hidrogen Hijau kerajaan untuk menjadi pengeluar hidrogen hijau penting di wilayah ini.

Pilihan untuk menggunakan hidrogen sebagai sel bahan bakar ART juga mendukung langkah kerajaan dalam menyahkarbonisasi sistem pengangkutan awam di Sarawak.

"Projek ini juga menyediakan landasan untuk memperkenal dan mempromosikan teknologi hidrogen dalam pengangkutan awam," ujar Mazli sambil menambah, sokongan daripada orang ramai penting bagi memastikan pelaksanaan projek berkenaan berjalan lancar dan berjaya.



BINCANG: Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Datu Chok Moi Soon berbincang dengan Mazli dan pasukan Sarawak Metro.



MAZLI

> "KUTS adalah projek inisiatif kerajaan dan kami diberi mandat untuk merealisasikannya dan memastikan objektifnya mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan bandar raya Kuching tercapai."

Mazli Mustaffa
Ketua Pegawai Eksekutif Sarawak Metro

Apabila ia mula beroperasi kelak, ART Sarawak akan menjadi yang pertama di dunia menggunakan sel bahan api hidrogen.

Abang Johari pada satu sidang media tahun lalu berkata, sistem pengangkutan ART dijangka siap pada 2025.

"Apabila sistem ini (ART) sudah ada, barulah kita boleh menuju 2030 kerana ketika itu jajaran laluan Kuching-Samarahan sudah siap, sistem pengangkutan awam akan dipertingkatkan.

"Kemudian, kita dapat mencapai negeri maju pada tahun 2030, termasuk dari segi transportasi umum," katanya.

Sejak memulakan operasinya September tahun lalu, Sarawak Metro bekerjasama dengan Lembaga Multimedia Sarawak (SMA) bagi memastikan pembangunan KUTS seiring dengan agenda transformasi digital Kerajaan Sarawak.

Sarawak Metro memulakan Penilaian Impak Alam Sekitar, Sosial dan Warisan (ESHIA) sepanjang jajaran laluan untuk memastikan tempat atau kawasan dengan nilai warisan penting bagi bandar dan negeri dilindungi sepanjang pembangunan KUTS.

Ketika ini, Sarawak Metro mempunyai lebih 40 pekerja terdiri daripada tenaga kerja berpengalaman dan berkemahiran dalam pelbagai kepakaran serta disiplin.

Antara tenaga kerja yang pelbagai adalah bakat tempatan yang mempunyai pengalaman kerja yang luas dalam industri kereta api dan pengangkutan sama ada bekerja di ibu negara, bahkan di luar negara.

Sebilangan bakat ini secara sukarela pulang ke Sarawak untuk berkongsi pengalaman serta kepakaran kerja mereka dalam membangunkan projek KUTS.

Antaranya ialah Pengarah Projek Sarawak Metro Zafrin Zakariah yang sebelum ini pernah bekerja di Mumbai, India dan Colombo, Sri Lanka dan mempunyai pengalaman sekitar 30 tahun dalam industri pembinaan, pembangunan infrastruktur dan kereta api.

"Kami benar-benar teruja untuk memulakan projek KUTS kerana ia akan menambah baik senario pengangkutan awam di bandar raya Kuching," katanya.

Sementara itu, Pengurus Kanan Projek KUTS Henry Mayot membuat keputusan pulang ke Sarawak untuk bekerja dengan Sarawak Metro, dengan itu beliau boleh berkongsi pengalaman membangunkan projek berkenaan.

"Saya bernasib baik kerana telah bekerja dalam dua projek kereta api mega di Malaysia - Klang Valley Mass Rapid Transit (KVMRT) untuk Laluan Putrajaya dan Laluan Kajang yang telah memberi saya peluang untuk memperoleh banyak pengetahuan dan pengalaman daripada projek-projek ini.

"Saya terlibat secara aktif dalam penyediaan tender, penilaian tender, reka bentuk, pemilihan pembekal dan bahan, sistem dan mengantaramukakan sivil pembinaan serta pengujian dan pentauliahan.

"Pengalaman ini sangat berguna bagi saya apabila projek ART KUTS melalui kitaran yang sama kelak," katanya.

Henry yang mempunyai pengalaman 20 tahun dalam sistem komunikasi sebelum ini bekerja di Kuala Lumpur. Beliau juga pernah bekerja di Korea Selatan, Australia dan Indonesia.

Beliau berharap dapat melihat lebih ramai rakyat Sarawak yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang sesuai kembali ke negeri ini untuk bekerja dan menjadi sebahagian daripada sejarah menarik iaitu KUTS.

Seperti Henry, Pengurus Projek (Awam) KUTS Alice Sandah berpengalaman dalam mengusahakan Laluan LRT 3 Lembah Klang, sumbangan LRT Ampang dan MRT Laluan 1 Lembah Klang.

"Apabila saya terlibat dalam projek-projek kereta api, bidang kerja ini sangat sukar, kerana anda perlu bersiap sedia dalam 24 jam, berada di lokasi semasa waktu janggal dan menguruskan jangkaan, penyampaian dan jangka masa pelanggan. Itu mencabar," katanya.

Beliau berpeluang kembali dan berkhidmat di negeri ini pada pertengahan 2019 apabila bekerja dengan salah seorang kontraktor Lebuh Raya Pan Borneo.

"Walaupun gaji tidak semenarik di Semenanjung Malaysia, saya dapat menguruskannya dengan baik kerana taraf hidup di sini lebih rendah.

"Yang paling penting ialah saya dapat lebih dekat dengan keluarga dan menikmati masakan tempatan kegemaran saya sekerap mungkin.

"Mengimbas kembali apa yang telah saya lalui, saya menyedari bahawa kembali ke kampung halaman saya adalah keputusan terbaik yang telah saya buat dalam perjalanan kerjaya saya," katanya.

Mewujudkan peluang bagi pemain industri dan tenaga kerja tempatan menerusi projek ART

KUCHING: Objektif utama projek Sistem Pengangkutan Bandaraya Kuching (KUTS) dan pembangunan Transit Aliran Automasi (ART) adalah untuk memberikan pengalaman lebih selesa dan memudahkan rakyat melakukan perjalanan ulang-alik di sekitar kawasan Greater Kuching.

Dengan penggunaan teknologi bahan bakar hidrogen, sistem ART juga bertujuan untuk membantu menambah baik kualiti udara serta kualiti kehidupan keseluruhan di Bandaraya Sihat ini.

Satu lagi manfaat bagi rakyat Sarawak daripada projek KUTS dan pelaksanaan ART adalah peluang untuk membangunkan tenaga kerja tempatan dan mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan dalam industri 'transit aliran hijau' yang baharu ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Sarawak Metro Sdn Bhd Mazli Mustaffa, ini dapat dicapai dengan memastikan syarikat-syarikat yang menyediakan teknologi dan peralatan bagi projek KUTS berkolaborasi rapat dengan pemain-pemain industri tempatan di negeri ini.

"Berdasarkan pengalaman kami dalam projek-projek rel di Semenanjung Malaysia, adalah amat penting untuk kita menjalinkan kolaborasi yang erat dengan para penyedia teknologi dan peralatan.

"Menerusi Program Pembangunan Peningkatan Sosioekonomi Sarawak (SEED), matlamat kita adalah untuk memastikan syarikat-syarikat Sarawak mendapat manfaat daripada pemindahan teknologi; dan tenaga kerja tempatan kita, terutamanya golongan belia, akan mendapat manfaat daripada pemindahan ilmu pengetahuan dan kemahiran," katanya.

Idea di sebalik SEED adalah sama dengan Program Kolaborasi Industri/Offset yang telah dilaksanakan di Semenanjung Malaysia, khususnya untuk projek-projek pembangunan yang dibiayai Kerajaan Persekutuan, seperti projek MRT.

Program ini bukan sahaja akan mewujudkan perkongsian di antara syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa yang terlibat dalam projek KUTS, tetapi juga menjana lebih banyak peluang bagi kolaborasi dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pembangunan modal insan.

Maka itu, menerusi SEED, Sarawak Metro berhasrat membina kumpulan pekerja Sarawak yang mahir bagi industri pengangkutan awam hijau, selain mewujudkan platform bagi memindahkan ilmu pengetahuan dan kepakaran.

Sarawak Metro juga telah membentuk program ini untuk memberi tumpuan kepada aktiviti berkaitan dengan pembangunan ekonomi, teknologi dan industri, selari dengan aspirasi Sarawak untuk menjadi sebuah negeri berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2030.

Sarawak negeri pertama perkenal perkhidmatan bas hidrogen

KUCHING: Sarawak negeri pertama di Malaysia memperkenalkan perkhidmatan bas hidrogen dan ia mula beroperasi 1 September 2020.

Sarawak Metro Sdn Bhd (Sarawak Metro) telah diberi kepercayaan oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) mengurus operasi bas hidrogen yang ketika ini pengoperasiannya masih di peringkat percubaan.

Ia bagi membolehkan pengumpulan data untuk mempersiapkan pelan masa depan sistem pengangkutan awam negeri Sarawak yang akan bertindak sebagai pelengkap kepada perkhidmatan Transit Aliran Automasi (ART) khususnya di sekitar bandar raya Kuching.

Perkhidmatan bas hidrogen merupakan satu realiti bagi memperkasakan lagi sektor pengangkutan awam di di bandar raya Kuching.

Ia akan menyediakan perkhidmatan kesalinghubungan kepada stesen-stesen ART apabila sistem pengangkutan moden itu dijangka mula beroperasi pada 2025.

Data yang dikumpul daripada operasi percubaan ini sangat penting untuk kerajaan merancang masa depan pengangkutan awam di Sarawak.

Perkhidmatan operasi percubaan bas hidrogen ini telah diperkenalkan pada Januari tahun ini bagaimanapun disebabkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 bermula 18 Mac 2020, perkhidmatan ini dihentikan sementara.

Pada September 2020, perkhidmatan bas hidrogen percubaan disambung semula selepas berakhirnya peringkat pertama Perintah Kawalan Pergerakan Permulihan (PKPP) pada 31 Ogos lalu.

Perkhidmatan operasi percubaan dikendalikan empat kali sehari - jam 8 pagi, 11 pagi, 2 petang dan 5 petang pada setiap hari dan mula bergerak dari perhentian bas Hotel Riverside Majestic.

Bagi memastikan keselamatan pengguna pada tahap terbaik, bas hidrogen beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan termasuk mengimbas suhu badan penumpang dan mengamalkan penjarakan fizikal.

Sepanjang tempoh percubaan, perkhidmatan bas hidrogen adalah percuma kepada penumpang.

Selain menyediakan perkhidmatan yang selesa dan selamat kepada penumpang bas hidrogen ini turut dilengkapi kemudahan Wi-Fi untuk penumpangnya.

Bagi memastikan bas hidrogen ini sentiasa dalam keadaan terbaik dan sedia digunakan, ia diservis dan pemeriksaan diperlukan secara berjadual oleh agensi penguatkuasaan seperti Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM).

Ketika majlis pelancarannya perkhidmatan percubaan bas hidrogen pada 22 Januari 2020, Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg berkata ia antara usaha kerajaan negeri menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam di bandar raya Kuching dan bakal diperluaskan ke bandar raya Miri, bandar Sibu dan Bintulu.



PERCUBAAN: Bas Hidrogen yang ketika ini memberi perkhidmatan percuma di sekitar bandar raya Kuching.



PENGALAMAN: Kanak-kanak dari Sedidik Perdana Menara SEDC menaiki bas hidrogen.